

1976  
MELAKA, 9 APRIL (BERNAMA) -- KERAJAAN NEGERI MELAKA TELAH MEMINTA KIRA-KIRA \$280 JUTA DARI KERAJAAN PUSAT UNTUK MEMBIAYAI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNANNYA DIBAWAH RANCANGAN MALAYSIA KETIGA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU, KERAJAAN SEDANG MENYUSUN RANCANGAN MALAYSIA KETIGA DAN SEMUA NEGERI SEDANG MEMINTA BANTUAN KEWANGAN UNTUK PEMBANGUNAN DALAM TEMPUH LIMA TAHUN AKAN DATANG.

BELIAU MENAMBAH, KERAJAAN TERPAKSA MEMUTUSKAN JUMLAH WANG YANG BOLEH DIPEROLEHI DAN MEMBERI PERUNTUKAN MENURUT KEPERLUAN TIAP-TIAP NEGERI.

DR. MAHATHIR YANG JUGA MENTERI PELAJARAN TELAH BERCAKAP KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENDENGAR TAKLIMAT OLEH KETUA-KETUA JABATAN DI BILIK GERAKAN NEGERI DI SINI.

BELIAU MENEGASKAN, DALAM MEMBERI PERUNTUKAN WANG BAGI RANCANGAN MALAYSIA KETIGA, NEGERI-NEGERI YANG KORANG MAJU SEPERTI KELANTAN, KEDAH, PERLIS DAN TRENGGANU, AKAN MENDAPAT PERUNTUKAN YANG LEBIH.

SEMUA TAKLIMAT ITU, DR. MAHATHIR TELAH JUGA DIBERITAHU BAHAWA KADAR PENGANGGURAN DI MELAKA IALAH KIRA-KIRA TUJUH PERATUS, DISAMPING MASAALAH TANAH DAN KEKURANGAN INFRASTRUKTUR. -- BERSAMBUNG  
2107/2CM

640:

MAHATHIR 2 MELAKA

DR. MAHATHIR JUGA BERKATA, MELAKA TELAH MENETAPKAN KAWASAN-KAWASAN BAGI PERUSAHAAN TETAPI SETAKAT INI, HANYA SATU PERTIGA SAJA YANG TELAH DIAMBIL OLEH PARA PELABOR. BELIAU MENEGASKAN, SATU USAHA YANG MENYELURUH HENDAKLAH DIJALANKAN UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELABOR KE NEGERI INI.

BELIAU MENAMBAH, PARA PELABOR MASIH GEMAR MELABOR MODAL DI NEGARA INI +YANG MERUPAKAN NEGARA YANG PALING STABIL DIRANTAU INI DARI SEGENAP ASPEK.+